HIT TRAVEL
SDN BHD

5H4M
JAKARTA + BANDUNG FLEXI



TANGKUBAN PERAHU MERUPAKAN SALAH SATU DESTINASI ALAM SEMULA JADI TERKENAL DI BANDUNG, INDONESIA. GUNUNG BERAPI INI POPULAR DENGAN PEMANDANGAN KAWAHNYA YANG UNIK SERTA UDARA SEJUK DAN NYAMAN.



5H4M

JAKARTA + BANDUNG FLEXI

HIT TRAVEL SDN BHD

HARI 01 | KUALA LUMPUR - JAKARTA - BANDUNG BY WHOOSH — MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta.

- **Whoosh Speed Train:** Kereta api laju pertama di Indonesia dan Asia Tenggara, menghubungkan Jakarta–Bandung.Nama Whoosh bermaksud Waktu Hemat, Operasi Optimal, Sistem Hebat. Kelajuan maksimum operasi: 350 km/j, dengan reka bentuk kereta api mencapai 420 km/j, menjadikan -nya antara yang terpantas di dunia.Jarak: 143 km, dengan masa perjalanan purata hanya 35 minit berbanding 3 jam menggunakan laluan kereta api lama.
- **Gedung Sate:** Gedung Sate merupakan ikon bersejarah Bandung yang dibina pada tahun 1920 semasa zaman penjajahan Belanda. Nama bangunan ini diambil daripada hiasan unik di bahagian bumbung yang menyerupai sate. Enam hiasan bulat di puncaknya dipercayai melambang kan kos pembinaan pada suatu ketika dahulu (pass by).
- **Asia Afrika Street:** Jalan Asia Afrika merupakan antara jalan bersejarah di Bandung yang terkenal sebagai lokasi Konferensi Asia Afrika 1955. Kini, kawasan ini menjadi tarikan pelancong dengan deretan bangunan kolonial, mural menarik, serta kafe dan kedai unik, menjadikannya lokasi popular untuk bergambar.
- **Braga Street:** Destinasi pelancongan terkenal di Bandung dengan seni bina klasik zaman kolonial. Peserta boleh berjalan santai, mengambil gambar, serta menikmati pencuci mulut terkenal di Bandung iaitu **Tiramisu Su** yang mengkhususkan pada tiramisu dan dessert Itali.

Bermalam di **Bandung.**

HARI 02 | BANDUNG — SP

Tetamu bebas melakukan aktiviti sendiri.

Cadangan Lawatan Pilihan: Bandung Volcano Tour

- **Kawah Putih Ciwidey** iaitu tasik kawah gunung berapi yang terletak di selatan Bandung. Kawah ini terkenal dengan warna airnya yang unik putih kehijauan serta suasana berkabus
- **Rengganis Suspension Bridge** jambatan gantung yang terletak berhampiran Kawah Rengganis di kawasan Ciwidey. Pengunjung boleh menikmati pengalaman berjalan di atas jambatan sambil melihat pemandangan hutan tropika serta kawasan kawah gunung berapi yang unik.
- **Glamping Lakeside Rancabali.** Tarikan utama di sini ialah restoran Pinisi Resto yang berbentuk kapal besar, menjadi lokasi bergambar dan juga boleh menikmati pemandangan tasik, kawasan hijau yang luas serta pelbagai spot fotografi yang menarik
- **Ladang Strawberi (Kampung Strawberry)** merupakan salah satu tarikan pelancongan popular di kawasan Bandung, terutamanya di kawasan tanah tinggi yang sejuk.
- **Ranca Upas:** Dikelilingi oleh kawasan pergunungan yang menghijau dengan udara yang sejuk, terkenal dengan kawasan pemuliharaan rusa di mana pengunjung boleh melihat dan memberi makan rusa.

Bermalam di **Bandung.**

HARI 03 | BANDUNG — SP

Tetamu bebas melakukan aktiviti sendiri.

Cadangan Lawatan Pilihan: Bandung Volcano Tour

- **Tangkuban Perahu** merupakan salah satu destinasi alam semula jadi terkenal di Bandung, Indonesia. Gunung berapi ini popular dengan pemandangan kawahnya yang unik serta udara sejuk dan nyaman. Ia menjadi pilihan pelancong untuk menikmati keindahan alam, bergambar dan mengenali keunikan geologi Bandung.
- **Floating Market Lembang** menawarkan pengalaman unik menikmati pelbagai makanan dan minuman tempatan yang dijual dari perahu di atas tasik, selain mempunyai kawasan rekreasi dan kedai cenderamata yang menarik untuk pengunjung
- **The Lodge Maribaya** dikelilingi hutan pinus yang menghijau, tempat ini terkenal dengan suasana alam yang sejuk serta pelbagai aktiviti dan spot bergambar menarik seperti Sky Tree, Zip Bike dan Mountain Swing.
- **The Great Asia Africa** merupakan taman rekreasi bertemakan budaya Asia dan Afrika yang terkenal di Lembang, Bandung.

Bermalam di **Bandung.**

HARI 04 | BANDUNG - JAKARTA — SP/MT

- **Pasar Baru Textile Centre** salah satu tempat membeli-belah paling terkenal di Bandung terutama sekali untuk mencari kain ela, baju kurung, kebaya, tudung dan pakaian siap.
- **Kartika Sari** salah satu kedai kek, pastri, dan oleh-oleh terkenal di Bandung, Indonesia. Ia sangat popular di kalangan pelancong kerana kualiti produk yang sedap dan sesuai dibawa pulang sebagai cenderamata.

Bertolak ke Jakarta dengan menaiki bas. Check in di hotel Jakarta dan tetamu bebas melakukan aktiviti sendiri.

Cadangan Lawatan Pilihan

- **Monas (Monumen Nasional):** ikon kebanggaan Indonesia yang melambangkan perjuangan kemerdekaan. Dibina antara 1961–1975, bangunan setinggi 132-meter ini menampilkan obor emas di puncak sebagai simbol semangat kebangsaan
- **Thamrin City:** Syurga membeli-belah fesyen dan aksesori dengan harga berpatutan. Sesuai untuk mencari oleh-oleh, pakaian trendy, dan menikmati kafe serta restoran dalam suasana selesa.

Bermalam di **Jakarta.**

HARI 05 | JAKARTA - KUALA LUMPUR — SP

Tetamu bebas melakukan aktiviti sendiri.

Cadangan Lawatan Pilihan

- **Plaza Indonesia s**alah satu pusat membeli-belah terkenal dan eksklusif di Jakarta. Pengunjung boleh menikmati pelbagai pilihan butik jenama antarabangsa, kedai fesyen, restoran dan kafe.
- **Mangga Dua** kawasan tumpuan membeli-belah yang terkenal di Jakarta, terutamanya bagi pengunjung yang gemar mencari barangan pada harga berpatutan.

Bertolak ke airport untuk meneruskan perjalanan pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG

INDO RUPIAH
IDR 100,000 = RM 23

PERBEZAAN WAKTU

Indonesia: GMT+7 Malaysia: GMT+8

Musim Panas:
-

Musim Luruh:
-

Musim Sejuk:
-

Musim Bunga:
-



TOUR HIGHLIGHTS

1.



WHOOSH SPEED TRAIN

Kereta api laju pertama di Indonesia dan Asia Tenggara, menghubungkan Jakarta–Bandung sejauh 143 km dalam 35 minit.

2.



KARTIKA SARI

Salah satu kedai kek, pastri, dan oleh-oleh terkenal di Bandung, Indonesia. Ia sangat popular di kalangan pelancong kerana kualiti produk yang sedap dan sesuai dibawa pulang sebagai cenderamata.

3.



GEDUNG SATE

Gedung Sate merupakan ikon bersejarah Bandung yang dibina pada tahun 1920 semasa zaman penjajahan Belanda. Nama bangunan ini diambil daripada hiasan unik di bahagian bumbung yang menyerupai sate.

4.



BRAGA STREET

Destinasi pelancongan terkenal di Bandung dengan seni bina klasik zaman kolonial.

Hotel Penginapan 3★ Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Bandung	3 Mlm
Jakarta	1 Mlm

Jadual Penerbangan

malaysia airlines

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 717	KUL - CGK	1000	1120
5	MH 722	CGK - KUL	1825	2135

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket ekonomi Whoosh Jakarta Bandung (sehala)
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.